

TEKS UCAPAN

YANG MULIA
KOLONEL (B) MUHD HARRITH RASHIDI BIN HJ MUHD JAMIN
PENGARAH
PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN

PADA MAJLIS PENUTUP
PROGRAM LATIHAN PENYELARAS KESIAPSIAGAAN BENCANA
(DISASTER PREPAREDNESS COORDINATOR SIRI 2 – DPC2);
YOUTH PREPAREDNESS AND RESPONSE TEAM (YPRT) COURSE

HARI KHAMIS,
21 JAMADILAKHIR 1442 BERSAMAAN 4 FEBRUARI 2021

BERTEMPAT
PUSAT PEMBANGUNAN BELIA, KG TANAH JAMBU

BISMILLAHIRAMANIRAHIM

ALHAMDULILAHI RABBIL 'ALAMEEN, WASSALATU WASSALAMU 'ALA ASYRAFIL ANBIAE WALMURSALEEN, SAYYIDINA MUHAMMADDIN, WA'ALA AALIHIEE WASAHBIHEE AJMA'EEN.

TETAMU KEHORMAT MAJLIS,
YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA SERI KERNA DATO SERI SETIA
(DR.) HAJI AWANG ABU BAKAR BIN HAJI APONG,
MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI,

YANG MULIA SETIAUSAHA–SETIAUSAHA TETAP & TIMBALAN-TIMBALAN
SETIAUSAHA TETAP KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI DAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN;

YANG MULIA PEGAWAI-PEGAWAI DAERAH, KETUA-KETUA JABATAN DAN
KETUA-KETUA BADAN ORGANISASI; AHLI DISASTER PREPAREDNESS
COORDINATER SIRI-1;

FASILITATOR-FASILITATOR DAN PARA PESERTA PROGRAM LATIHAN
PENYELARAS KESIAPSIAGAAN BENCANA SIRI 2, SERTA HADIRIN HADIRAT
YANG KAOLA SAYA HORMATI SEKALIAN.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

1. ALHAMDULILAH, KITA BERSYUKUR KE HADHRAT ALLAH SUBHANAHU WA TA'ALA KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAAH RAHMAT-NYA JUA, KITA DAPAT BERKUMPUL BERSAMA-SAMA PADA PETANG INI BAGI MAJLIS PENUTUP PROGRAM LATIHAN PENYELARAS KESIAPSIAGAAN BENCANA SIRI 2.

YANG BERHORMAT PEHIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

2. PROGRAM LATIHAN PENYELARAS KESIAPSIAGAAN BENCANA SIRI 2 INI ATAU LEBIH MUDAH DIKENALI SEBAGAI PROGRAM LATIHAN DPC SIRI KEDUA INI MERUPAKAN SUATU PROGRAM LATIHAN YANG DIANJURKAN OLEH PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN DENGAN KERJASAMA AGENSI-AGENSI YANG BERKEPENTINGAN BAGI KALI KEDUA. PROGRAM LATIHAN DPC SIRI PERTAMA TELAH DIADAKAN DENGAN JAYANYA PADA 6 HINGGA 8 OGOS 2019 BERTEMPAT DI PERKAMPUNGAN SUKAN BERAKAS YANG MANA SERAMAI 42 ORANG AHLI DPC YANG TERDIRI DARIPADA PEMIMPIN AKAR UMBI - IAITU KETUA-KETUA KAMPUNG DAN AHLI MAJLIS PERUNDINGAN MUKIM DAN KAMPUNG DARI KEEMPAT-EMPAT DAERAH TELAH DIIKTIRAF SEBAGAI AHLI DPC1.

3. PADA KALI INI, SERAMAI 39 ORANG PESERTA YANG TERDIRI DARIPADA PARA BELIA DAN PEMIMPIN BELIA YANG TERDIRI DARIPADA BELIA-BELIA MAJLIS PERUNDINGAN MUKIM DAN KAMPONG DARI KEEMPAT-EMPAT DAERAH, DAN BADAN-BADAN ORGANISASI SEPERTI SUKARELAWAN YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH, SUKARELAWAN BELIA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN, PERSEKUTUAN PENGAKAP NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN PASUKAN BULAN SABIT MERAH BRUNEI DARUSSALAM TELAH MENYERTAI PROGRAM LATIHAN DPC SIRI KEDUA INI.

4. PROGRAM LATIHAN DPC SIRI KEDUA INI ADALAH KESINAMBUNGAN DARI PROGRAM FORUM DAN BENGKEL PERANAN BELIA DALAM PENGADAPTASIAN PERUBAHAN IKLIM DAN PENGURANGAN RISIKO BENCANA YANG TELAH DILAKSANAKAN DENGAN JAYANYA PADA 18 HINGGA 19 NOVEMBER 2020 BERTEMPAT DI PUSAT BELIA, BANDAR SERI BEGAWAN - YANG MANA TELAH MENDAPAT SAMBUTAN MENGGALAKKAN DARIPADA PARA BELIA DARI BADAN-BADAN ORGANISASI DI NEGARA INI.

YANG BERHORMAT PEHIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

5. SEDIKIT IMBASAN MENGENAI PERLAKSANAAN PROGRAM LATIHAN DPC2 INI YANG TELAH DIADAKAN SELAMA 3 HARI - YANG MANA LATIHAN PADA HARI PERTAMA DAN KEDUA YANG TELAH DIADAKAN DI PUSAT PEMBANGUNAN BELIA, TELAH MENYENTUH MENGENAI TEORI, PRAKTIKAL DAN PERBINCANGAN YANG DILATIH OLEH AGENSI-AGENCI BERKAITAN PENGURANGAN RISIKO BENCANA DAN PERUBAHAN IKLIM YANG MERANGKUMI TATACARA MEMBUAT *HAZARD MAP* MELALUI AKTIVITI *TOWN-WATCHING*, TATACARA MENYELAMAT SEMASA MENGHADAPI KEJADIAN KEBAKARAN DOMESTIK DAN RAWATAN KECEMASAN. ADAPUN TUJUAN PEMBELAJARAN INI ADALAH SIGNIFIKAN KERANA PESERTA DPC YANG DILATIH PERLU MENGETAHUI TATACARA TINDAKAN YANG DAPAT DILAKSANAKAN DI PERINGKAT MASYARAKAT BAGI MENGURANGKAN IMPAK BENCANA - IAITU - TATACARA TINDAKAN SEMASA BERLAKUNYA SEBARANG KECEMASAN DOMESTIK **SEBELUM TIBANYA** PASUKAN PETINDAK AWAL (~~*FIRST RESPONDER*~~) KE TEMPAT KEJADIAN; DAN TATACARA TINDAKAN SELEPAS KEJADIAN BENCANA - **TANPA MENUNGGU** TINDAKAN DARI PIHAK-PIHAK BERKENAAN.

6. SETERUSNYA, PADA HARI KETIGA PROGRAM LATIHAN DPC2 INI, PARA PESERTA TELAH DI BAWA KE TAMAN REKREASI HUTAN SIMPAN BERAKAS BAGI MELAKSANAKAN AKTIVITI PENANAMAN ANAK POKOK SEBANYAK 100 POHON BAGI MENDOKONG KOMITMEN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI BAGI MENINGKATKAN PENYERAPAN

KARBON (~~CARBON SINK~~) MELALUI PENGHUTANAN SEMULA (~~REFORESTATION~~) DAN BAGI MENCAPAI SASARAN MENANAM SEBANYAK 2,000 POKOK SEPANJANG TAHUN INI. INI JUGA ADALAH SALAH SATU USAHA KESIAPSIAGAAN BENCANA IAITU BAGI MENGURANGKAN IMPAK KEJADIAN TANAH SUSUR. PADA HARI YANG SAMA, PARA PESERTA TELAH MELALUI SATU LATIHAN SIMULASI SELAMA 3 JAM MENGENAI SENARIO KEJADIAN BENCANA YANG MELIBATKAN KEPERLUAN AHLI DPC UNTUK BERTINDAK MEMBANTU JABATAN DAERAH SELAKU *DISTRICT DISASTER MANAGEMENT COMMITTEE* (~~DDMC~~) BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT DAN MENILAI KEPERLUAN AWAL MANGSA-MANGSA KEJADIAN BENCANA DAN BERTINDAK SELAKU "*WITNESSES ON THE GROUND*" BAGI MEMBANTU MANGSA KEJADIAN.

YANG BERHORMAT PEHIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

7. ADAPUN TUJUAN PROGRAM LATIHAN DPC INI DIADAKAN ADALAH BAGI MENGIKTIRAF PARA BELIA DAN PEMIMPIN BELIA MENJADI AHLI DPC YANG DIHASRATKAN DAPAT MEMBANTU MENGURANGKAN IMPAK KEJADIAN-KEJADIAN YANG TIDAK DIINGINI BERLAKU DENGAN MENGAMBIL TINDAKAN SEWAJARNYA DI PERINGKAT DOMESTIK ATAU PERINGKAT MASYARAKAT - BUKANLAH MENJADI *FRONTLINERS* SEPERTI PARA PETINDAK DI JABATAN-JABATAN BERKENAAN. SELAIN ITU, AHLI DPC INI JUGA DIHASRATKAN UNTUK MEMBANTU TUGAS-TUGAS MENANGANI KEJADIAN BENCANA MELALUI KERJASAMA DENGAN PENGHULU-PENGHULU MUKIM DAN KETUA-KETUA KAMPUNG SERTA MAJLIS PERUNDINGAN MUKIM DAN KAMPUNG DI NEGARA INI.

8. AHLI DPC2 DI KALANGAN PARA BELIA INI MEMPUNYAI IDEA-IDEA YANG KREATIF YANG BOLEH MERANCANG DAN MENGADAKAN PROGRAM KESEDARAN AWAM BERSAMA MASYARAKAT ATAU BADAN ORGANISASI MASING-MASING DI MASA AKAN DATANG YANG BERTUJUAN UNTUK MENGEMBANGKAN LAGI KESEDARAN MASYARAKAT MENGENAI KEPENTINGAN MENGAMBIL TINDAKAN YANG BETUL BAGI MENGURANGKAN RISIKO BENCANA. MEREKA JUGA DIHASRATKAN AKAN DAPAT MEMBANTU NDMC, JABATAN DAERAH SELAKU DDMC DAN AGENSI-AGENSI BERKEPENTINGAN SELAKU RAKAN STRATEGIK NDMC DALAM MELAKSANAKAN APA JUA AKTIVITI BERKAITAN PENGADAPTASIAN PERUBAHAN IKLIM DAN PENGURANGAN RISIKO BENCANA.
9. DARI ITU, DENGAN HASRAT DAN HARAPAN TERSEBUT, AHLI DPC2 YANG DIIKTIRAF PADA HARI INI AKAN DAPAT MEMBANTU MENCAPAI OBJEKTIF UTAMA PROGRAM IAITU KE ARAH MEMBINA MASYARAKAT YANG BERDAYA TAHAN (~~A DISASTER RESILIENT COMMUNITY~~).

YANG BERHORMAT PEHIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

10. ALHAMDULILLAH, PROGRAM LATIHAN DPC2 INI TELAH BERJALAN DENGAN LANCAR DAN JAYANYA DENGAN MENGGUNAKAN PENDEKATAN *WHOLE-OF-NATION* IAITU MELALUI KERJASAMA DAN SOKONGAN PADU DARI AGENSI-AGENSI DAN BADAN-BADAN ORGANISASI BERKAITAN IAITU JABATAN-JABATAN DAERAH, JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT, PERKHIDMATAN KECEMASAN AMBULANS PERUBATAN, JABATAN PERHUTANAN, JABATAN SALIRAN DAN PEMBENTUNGAN DAN JABATAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL JABATAN KERJA RAYA, URUSETIA PERUBAHAN IKLIM BRUNEI DARUSSALAM, JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM, PERSEKUTUAN PENGAKAP NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN PASUKAN BULAN SABIT MERAH BRUNEI DARUSSALAM.

11. DI KESEMPATAN INI, KAOLA SAYA DENGAN TULUS IKHLAS SUKACITA MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH DI ATAS KOMITMEN DAN KERJASAMA PADU SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT BAGI SAMA-SAMA MENJAYAKAN PROGRAM LATIHAN DPC2 INI.

12. UNTUK AKHIRNYA, KAOLA SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA SEMUA PESERTA YANG AKAN DIKTIRAF PADA PETANG INI SEBAGAI AHLI DISASTER PREPAREDNESS COORDINATOR.

SEKIAN. WABILLAHITAUFIKWALHIDAYAHWASSALAMMUALAIKUM
WARAHMATULLAHIWABARAKATUH.

* * * * *